

U B652 DEB  
MAHATHIR - JIMAT R R R

1985

ALOR SETAR, 29 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBAHARUI ARAHANNYA KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BERJIMAT CERMAT DAN BERHATI-HATI MEMBELANJAKAN WANG KERAJAAN.

PERBELANJAAN UNTUK PROJEK-PROJEK HARUSLAH DIRANCANG DENGAN BAIK DAN MEREKA HENDAKLAH MEMASTIKAN KOSNYA RENDAH, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMBERI ARAHAN ITU KEPADA KETUA-KETUA JABATAN DI MAJLIS TAKLIMAT PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH YANG DIBERI OLEH MENTERI BESAR, DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF DI WISMA NEGERI DI SINI.

KATANYA, PERBELANJAAN KERAJAAN HARUS DIBUAT MENGIKUT KEMAMPUAN KEWANGAN SESEBUAH NEGERI, BUKAN MENGUTAMAKAN PROJEK-PROJEK YANG INDAH.

SIKAP MEMBELANJAKAN MENGIKUT KEMAMPUAN BUKAN SAHAJA TERHAD KEPADA PERBELANJAAN KERAJAAN TETAPI JUGA DALAM PERBELANJAAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN ITU SENDIRI YANG HARUS MENGIKUT KEMAMPUAN MASING-MASING.

+SIKAP ITU PERLU KERANA SEBAGAI PEGAWAI KERAJAAN ANDA HARUS MEMBERI CONTOH KEPADA RAKYAT SEJAJAR DENGAN KONSEP KEPIMPINAN MELALUI TELADAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1303MST 29 03 85

U B653 DEB  
MAHATHIR - JIMAT 2 ALOR SETAR R R R

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA KEBANYAKAN PROJEK YANG TERMASUK DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN SEKARANG TIDAK MEMBAWA PULANGAN SEMULA.

BELIAU BEKATA KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH AGENSI-AGENSI KERAJAAN PULA BUKANLAH KERANA KETIADAAN WANG ATAU KEPAKARAN TETAPI KERANA KESILAPAN PENGURUSAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSINYA SUPAYA MENINGKATKAN KEMAMPUAN MENYERU BAGI MEMASTIKAN PERBELANJAAN TIDAK MEMBAZIR ATAU KERAJAAN TIDAK RUGI.

BELIAU MENAMBAH KATA BAHAWA DI SAMPING KELEMAHAN PENGURUSAN DAYA PENGELUARAN DALAM SEMUA BIDANG, SAMA ADA DALAM BIDANG PEMBUATAN MAHU PUN PERTANIAN, MASIH LAGI RENDAH. -- LAGI.  
1308MST 29 03 85

D209

U B654 DEB  
MAHATHIR - JIMAT 3 ALOR SETAR R R R

KATANYA, BEBERAPA BUAH NEGARA SEPERTI TAIWAN DAPAT MENGELUARKAN BARANGAN YANG TINGGI MUTUNYA DENGAN HARGA YANG LEBIH RENDAH DARIPADA BARANGAN MALAYSIA, SEPERTI BATU MAR-MAR.

DALAM BIDANG HASIL PERTANIAN, KOS PENGELUARAN JAGUNG DAN BUAH-BUAHAN DI THAILAND DUA KALI LEBIH RENDAH DARIPADA DI MALAYSIA.

KATANYA KAJIAN MENDAPATI BAHAWA SETIAP SERINGGIT YANG DIBELANJAKAN UNTUK PENGELUARAN PADI, SEBANYAK 50 SEN DITANGGUNG OLEH KERAJAAN MELALUI PELBAGAI SUBSIDI YANG DIBERI KEPADA PETANI.

MENGENAI PERMINTAAN DATUK HAJI OSMAN SUPAYA KERAJAAN MEMBERI PERUNTUKAN KHAS KEPADA KEDAH KERANA MENGELUARKAN 50 PERATUS BERAS NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA KERAJAAN PUSAT TELAH MEMBERI PERUNTUKAN \$94 JUTA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA (RMD), \$900 JUTA DALAM RMT DAN \$2,600 JUTA DALAM RME KEPADA KEDAH. -- LAGI.  
1314MST 29 03 85

U B655 DEB  
MAHATHIR - JIMAT 4 ALOR SETAR R R R

+MASALAH TIDAK CUKUP WANG TIDAK TIMBUL. YANG PENTING IALAH MERANCANG PERBELANJAAN DENGAN BAIK DAN TERSUSUN + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM MENYUSUN PERBELANJAAN, YANG PENTING BUKANLAH BERAPA BANYAK TAMBAHAN PENDAPATAN YANG DIPEROLEHI, TETAPI BAGAIMANA WANG ITU DIBELANJAKAN.

BELIAU BERHARAP PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN KEDAH TIDAK MENGHAMPAKAN HARAPANNYA SUPAYA MENYERU PENTADBIRAN DENGAN CEKAP, BERSIH DAN AMANAH KERANA BELIAU SENDIRI BERASAL DARI KEDAH.

PERDANA MENTERI MAHUKAN KEDAH MENJADI CONTOH KEPADA NEGERI-NEGERI LAIN DALAM MEWUJUDKAN PEMBANGUNAN DAN PENTADBIRAN YANG BAIK. -- BERNAMA.